



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PINDAAN KE ATAS ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 103

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 1 Tahun 2002 telah meminda AP103 mengenai bil-bil hendaklah dibayar dengan segera. AP103(a) menghendaki bil-bil yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh bil tersebut diterima.

2. Mulai tarikh SPP ini, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima. Dengan itu, AP103 adalah dipinda seperti berikut:


“103(a) Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan seberapa segera. Dalam Arahan ini, bil dan tuntutan-tuntutan adalah termasuk juga invoices, borang perakuan bayaran (Borang Perakuan Bayaran Siri JKR 66) dan inden kerja sama ada di bawah Peruntukan Mengurus, Pembangunan, Tanggungan atau Amanah. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.”

(b) Bagi mematuhi Arahan di atas, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah menyenggara suatu Daftar Bil yang menunjukkan maklumat seperti terkandung di dalam Lampiran V. Daftar ini hendaklah diperiksa tidak kurang daripada sekali sebulan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat atau wakilnya yang diberi kuasa dan hendaklah ditandatangani ringkas. Penyenggaraan Daftar Bil secara manual seperti di Lampiran V adalah dikecualikan bagi Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab yang melaksanakan sistem eSPKB di mana Daftar Bil adalah disediakan secara elektronik.”

3. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 1 Tahun 1999 (Tambahannya Pertama Kepada SPP Bil. 10 Tahun 1995), SPP Bil. 6 Tahun 2001 (Tambahannya Kedua Kepada SPP Bil. 10 Tahun 1995) dan SPP Bil. 1 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

31 Oktober 2006

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

Lampiran V
[Arahan Perbendaharaan 103 (b)]

DAFTAR BIL

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)	(14)
Traikh bil/invois diterima oleh kem/jab atau tarikh penilaian perakuan bayaran (kerja)	Tarikh bil/perakuan bayaran/ tuntutan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas kerja atau perkhidmatan atau bekalan	Tarikh bil/perakuan bayaran/tuntutan diterima oleh Bahagian Kewangan	Nama kontraktor/ pembekal	Rujukan dan Tarikh bil/ tuntutan	Amaun (RM)	Peruntukan	Nombor kontrak/ sebut harga/inden/ pesanan tempatan	Tarikh baucar disediakan	Tarikh dan nombor kelompok	Nombor baucar	Tarikh baucar disahkan	Tarikh baucar dihantar ke pejabat yang membayar	Tarikh dan nombor cek atau pindah dana elektronik (EFT)